

10 APR 1996

ASLI ANJURKAN TIGA PERSIDANGAN MENGENAI PEMBANGUNAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) akan menganjurkan tiga persidangan kebangsaan mengenai isu-isu penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia, kata presidennya, Mirzan Mahathir.

Persidangan pertama bertajuk Sidang Kemuncak Penswastaan Kebangsaan: Penswastaan - Langkah-langkah Selanjutnya -- akan diadakan di sini pada 22 dan 23 April.

Persidangan ini akan mengimbas kembali pencapaian penswastaan di Malaysia serta strategi-strategi akan datang untuk sektor-sektor awam dan swasta, katanya pada persidangan berita di sini hari ini.

Sidang kemuncak ini dianjurkan dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Antara kertas kerja yang akan dibentangkan ialah Penswastaan Penjagaan Kesihatan.

Persidangan kedua pula, Persidangan Ekonomi Kebangsaan: Menangani Guna Tenaga Penuh, yang akan dianjurkan bersama dengan Pusat Penyelidikan Strategi Malaysia akan diadakan selama dua hari mulai 2 Mei di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Persidangan itu akan dirasmikan oleh menteri pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan akan membincangkan topik-topik yang berkaitan dengan keadaan sumber manusia yang ada sekarang di negara ini dan strategi-strategi menangani kekurangan tenaga buruh, cabaran dan strategi mengekalkan pekerja dalam suasana ekonomi berperkerjaan penuh dan perubahan dalam sistem pendidikan untuk mengatasi masalah tersebut.

Persidangan yang ketiga yang akan dirasmikan oleh menteri perdagangan antarabangsa dan industri Datuk Seri Rafidah Aziz, akan diadakan pada 27 dan 28 Mei. Persidangan yang berkaitan kemajuan jenama Malaysia ke peringkat dunia, bertujuan memberi gambaran jelas kepada masyarakat perniagaan tempatan, terutamanya para pengeksport, mengenai pentingnya membangunkan jenama tempatan ke peringkat antarabangsa.

Mirzan berkata oleh kerana Malaysia berhasrat mencapai sasaran eksport sebanyak RM1.5 bilion dalam tempoh 25 tahun, maka adalah penting bagi masyarakat perniagaan dan perindustrian tempatan berusaha keras ke arah meningkatkan nilai eksport menerusi barangan berjenama dan bertaraf antarabangsa.

Oleh yang demikian, adalah diharapkan syarikat-syarikat tempatan akan mengaut pengetahuan untuk memajukan strategi jenama menerusi persidangan ini. Kini sudah tiba masanya bagi syarikat-syarikat Malaysia mengorak langkah ke arah pemasaran jenama sendiri daripada sekadar menjadi pembuat secara kontrak, katanya. -- BERNAMA

MK MA SIA